

# MENERAJUI PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA NEGARA ABAD KE-21

*Pembangunan Negara perlu melibatkan belia sebagai rakan peneraju. Mereka ialah generasi pewaris negara. Namun cabaran untuk melahirkan generasi pewaris yang terbilang perlu dilalui dan didepani secara sistematik dan strategik. Generasi belia berhadapan dengan perubahan global yang begitu drastik dan tidak menentu yang menuntut kerjasama semua pihak untuk bersama mereka mendepani arus perubahan yang pantas.*

Cabaran dan kejayaan belia mendepani perubahan ini wajar dikongsi supaya setiap lapisan masyarakat benar-benar faham bahawa belia adalah umpama permata yang bernilai buat negara. Pembangunan belia perlu memberi tumpuan kepada strategi bagi menyerlahkan potensi belia. Justeru, usaha pembangunan belia yang berteraskan dapatan empirikal dan saintifik sepertimana yang diterajui oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama penyelidik dan pengamal pembangunan belia di institusi pendidikan dan agensi yang berkaitan adalah amat penting supaya pendekatan kerangka kerja pembangunan belia yang lebih berkesan dapat dilaksanakan. Dokumen ini yang dihasil berdasarkan himpunan kertas kerja penyelidik dan pengamal pembangunan belia dalam Seminar Penyelidikan IYRES 2016 bertemakan 'Menerajui Penyelidikan: Menempa Perubahan', mengupas cabaran dan meneroka ruang yang berpotensi kearah membangunkan generasi pewaris ini secara lebih berkesan dan bermakna.

Sehubungan dengan itu, menerusi kajian khusus mengenai isu belia terpinggir, negara dapat mengenal pasti secara mendalam permasalahan sebenar ke arah menangani isu keciciran pendidikan yang berlaku dalam belia. Belia perlu mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran agar berupaya menyumbang kepada penjaan produktiviti negara seterusnya menjadi tunggak utama dalam pembangunan ekonomi. Namun, sesetengah belia terutama di kawasan luar bandar masih belum berupaya meningkatkan tahap pengajian mereka sama ada dalam bidang akademik mahupun latihan kemahiran. Keciciran belia dalam pendidikan dan kemahiran memberi implikasi kepada aspek keseimbangan sosial dan ekonomi masyarakat terutama di kawasan luar bandar.

Perkembangan ekonomi negara dan pengukuhan ekonomi belia tidak dapat dipisahkan. Ekonomi merujuk kepada suatu proses pembangunan yang penting dalam menjana produktiviti sesebuah negara. Perkembangan ekonomi merupakan suatu proses pengukuhan jumlah pendapatan per kapita berdasarkan jumlah penduduk. Golongan belia tidak terkecuali dalam proses pembangunan ekonomi negara. Mereka perlu menyumbang kepada peningkatan ekonomi dengan mengambil bahagian secara aktif. Penglibatan golongan belia dalam ekonomi diakui telah meningkat berdasarkan keperluan ekonomi negara malahan sumbangan golongan belia dari pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi dan pembangunan terutama di negara membangun dapat dilihat dengan begitu dominan. Ini kerana telah ramai menyedari bahawa belia merupakan pemimpin masa depan yang perlu disediakan dengan keperluan pembangunan negara masa kini dan akan datang. Oleh itu, belia perlu memiliki inisiatif untuk merebut peluang menjana ekonomi menerusi pelbagai program latihan dan pembangunan ekonomi. Ini secara tidak langsung dapat memberi pendedahan kepada mereka tentang senario ekonomi semasa di peringkat nasional, serantau mahupun global, sekaligus mempelajari kaedah mengurusnya dengan baik.

Dalam pasaran perniagaan yang lebih terbuka pada hari ini, golongan belia perlu lebih kreatif dalam menjana sumber pendapatan. Penggunaan media sosial seperti *Instagram*, *Facebook*, *WhatsApp*, *Youtube*, Blog dan sebagainya telah terbukti berkesan di dalam membantu mengukuhkan ekonomi belia. Sebagai contoh, kaedah pengiklanan menerusi media sosial di Facebook dapat dijadikan sebagai platform bagi membantu golongan belia mempromosi barangan jualan/produk keluaran sendiri dengan cara yang mudah, murah dan berkesan.

Dalam era dunia tanpa sempadan, usaha bagi menyediakan belia di peringkat global perlu diperhebatkan. Pengetahuan dan pendedahan belia negara di peringkat antarabangsa terutama dalam pembinaan komuniti serantau perlu seiring dengan arus ekonomi dan politik semasa supaya daya saing belia Malaysia tetap utuh dan mapan. Cabaran yang turut dihadapi oleh generasi belia negara sejak akhir-akhir ini adalah ancaman fahaman pengganas dan salah faham agama di peringkat antarabangsa yang semakin menular. Belia dilihat menjadi sasaran gerakan militan tertentu di peringkat antarabangsa untuk menyertai kumpulan ini atas nama jihad di dalam mempertahankan agama.

Kumpulan militan agama yang menggunakan gelaran *Islamic States* (IS) atau Negara Islam telah mencemarkan kemuliaan agama Islam sebagai agama yang suci. Tindakan keganasan yang dilakukan mereka sama sekali salah dan menyimpang dari ajaran Islam yang sebenar. Kumpulan ini juga digelar sebagai Daesh yang merujuk kepada 'Negara Islam di Iraq dan Syam' (nama wilayah di bawah takluk pemerintahan khalifah Islam di zaman sahabat Rasulullah SAW yang meliputi Israel, Palestin, Jordan, Syria, Lubnan dan Cyprus). Kumpulan ini dilihat berjaya mempengaruhi sesetengah umat Islam termasuk generasi belia dengan ideologi dan propaganda yang berselindung atas nama agama. Penglibatan belia dalam gerakan militan mutakhir ini menunjukkan usaha yang strategik telah dan sedang dilakukan kumpulan ini ke arah mengukuhkan kedudukan dan pengaruh mereka di peringkat global. Situasi ini dilihat membimbangkan negara. Agenda perpaduan dan keamanan negara sukar dicapai jika situasi ini tidak dibendung dengan berkesan.

Belia lebih cenderung untuk dijadikan sasaran oleh kumpulan militan ini kerana mereka mudah dipengaruhi, dan memiliki kekuatan fizikal tubuh badan yang lebih cergas berbanding orang dewasa. Melalui doktrin perjuangan menegakkan Islam yang disuntik kumpulan terbabit ke dalam minda generasi belia menjadikan belia yang kurang pengetahuan agama keliru dan akhirnya terjebak. Tambahan pula, sesetengah belia diakui masih terkapai-kapai dalam mencari makna dalam kehidupan. Oleh itu, doktrin atas nama perjuangan agama lebih mudah meresap dalam kalangan belia seperti ini. Justeru, usaha kearah memantapkan pemahaman belia Negara dengan ilmu pengetahuan tentang ekonomi, politik dan sosial amatlah penting agar jati diri mereka kekal unggul mengakar pada nilai budaya.

## MENERAJUI PENYELIDIKAN, MENEMPA PERUBAHAN

Pengurusan pembangunan belia mengalami fasa perubahan yang pantas. Kerangka penyelidikan yang berteraskan pembangunan belia positif yang holistik, dari peringkat individu belia hingga ke peringkat pemegang taruh berkepentingan perlu diwujudkan. Prinsip ini telah disentuh dalam pernyataan Dasar Belia Malaysia 2015-2035 iaitu "Memperkukuhkan dan menyerlahkan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara pada masa hadapan berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara".

Penyelidikan saintifik dalam erti kata sebenar lazimnya menyediakan penemuan kepada segala permasalahan yang dihadapi dengan bukti yang sahih. Ia menemukan sesuatu yang belum diketahui, mengesahkan jawapan kepada persoalan tertentu, menganalisa data dari sudut teoritikal dan praktis serta menyelesaikan masalah secara sistematik. Semua pihak mengakui generasi belia hari ini berhadapan dengan cabaran yang begitu getir. Keadaan ini memerlukan penelitian rapi bagi merungkai segala isu dan permasalahan yang dihadapi oleh mereka.

Dalam konteks pernyataan Dasar Belia Malaysia 2015-2035, siri penyelidikan empirikal yang berterusan sangat perlu didahulukan bagi mengelakkan wujudnya istilah kelemahan dasar yang dibangunkan. Melalui penyelidikan, penanda aras pembangunan belia negara dapat ditentukan sebagai langkah ke arah mencapai matlamat pembentukan dasar. Sinergi kerjasama yang sedia terjalin antara Kementerian Belia dan Sukan selaku penggubal dasar melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dengan para penyelidik IPT dan pengamal belia telah banyak membuahkan hasil yang memberangsangkan dalam membentuk hala tuju pembangunan belia negara.

Penerbitan prosiding ini turut merupakan salah satu inisiatif pembangunan belia negara ke arah menempa perubahan semasa dan akan datang melalui sinergi yang terhasil. Sebanyak 22 kertas kerja daripada hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh pengkaji belia telah dihimpun dan disunting dalam bab prosiding ini.

Secara ringkasnya, himpunan bab di bahagikan kepada empat (4) sub tema yang terdiri daripada:

- 1) Merungkai dan mendepani permasalahan sosial belia;
- 2) Membangunkan aset dan potensi belia;
- 3) Belia dan isu antarabangsa; dan
- 4) Hala tuju belia berlandaskan polisi dan dasar berkaitan belia.

Aktiviti seperti seminar ini dilihat menyokong dan membudayakan penyelidikan dan dalam bidang pembangunan belia di Malaysia. Perlu difahami bahawa pelaburan pembangunan modal insan melalui aktiviti penyelidikan merupakan asas yang tepat di dalam membentuk generasi pewaris negara. Kesemua bab yang dihimpun dalam prosiding ini wajar dinilai serta dihayati oleh semua pihak pemegang taruh pembangunan belia ke arah memposisikan generasi belia negara dimasa hadapan. Semoga perkongsian ilmu yang dipersembahkan dalam prosiding ini dapat mengukuhkan lagi pemahaman pembaca tentang realiti semasa dan masa depan belia Negara dan seterusnya memandu pihak berkepentingan untuk merangka tindakan pembangunan potensi belia yang lebih berkesan.